

BAHAGIAN A (Soalan Objektif)

- 1 Antara yang berikut, hidupan liar manakah yang terdapat di Malaysia?

Buku Teks: M.S. 78 & 79 Aras: Rendah

- | | |
|--------------|-------------------|
| I Tapir | III Zirafah |
| II Unta | IV Harimau Malaya |
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

- 2 Apakah jenis pekerjaan yang dapat dikaitkan dengan kawasan ekopelancongan dalam Foto 1?

Buku Teks: M.S. 81 Aras: Sederhana



Foto 1

- | | |
|----------------------|--------------|
| I Pengendali bot | |
| II Penyelidik | |
| III Pegawai kerajaan | |
| IV Pemandu pelancong | |
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

- 3 Apakah kepentingan hidupan liar yang dapat dikaitkan dengan ekopelancongan?

Buku Teks: M.S. 81 Aras: Sederhana

- | |
|--|
| A Industri perkhidmatan maju |
| B Pertambahan penduduk |
| C Eksport negara bertambah |
| D Membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat |

- 4 Apakah kesan aktiviti pengkuarian terhadap hidupan liar?

Buku Teks: M.S. 84 Aras: Sederhana

- | | |
|--|--------------|
| I Spesies hidupan liar bertambah | |
| II Bekalan makanan meningkat | |
| III Mengganggu ketenteraman hidupan liar | |
| IV Kepupusan spesies hidupan liar | |
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

- 5 Antara yang berikut, yang manakah usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hidupan liar di Malaysia?

Buku Teks: M.S. 86-93 Aras: Rendah

- | | |
|---|--------------|
| I Kempen kesedaran | |
| II Penguatkuasaan undang-undang | |
| III Pertambahan agensi kerajaan | |
| IV Pemberian lesen pemburuan dihadkan kepada syarikat asing | |
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

- 6 Apakah kepentingan pendidikan alam sekitar dalam kalangan murid sekolah di Malaysia?

Buku Teks: M.S. 92 Aras: Sederhana

- | | |
|--|--------------|
| I Murid memahami konsep pembangunan lestari | |
| II Murid melawat ke kawasan ekopelancongan | |
| III Murid menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) | |
| IV Murid melibatkan diri secara aktif di lapangan | |
| A I dan II | C III dan IV |
| B II dan III | D I dan IV |

- 7 Apakah kepentingan elemen Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dalam pembinaan hotel di tepi pantai yang melebihi 80 bilik?

Buku Teks: M.S. 91 Aras: Sederhana

- | |
|--|
| A Pengurangan kawasan hijau |
| B Keluasan hutan berkurangan |
| C Projek pembangunan bertambah |
| D Mengurangkan kesan terhadap alam sekitar |

- 8 Apakah aktiviti yang boleh dijalankan di hutan simpan?

Aras: Tinggi

- | | |
|-------------|----------------|
| A Pertanian | C Penyelidikan |
| B Pemburuan | D Pembalakan |

- 9 Antara yang berikut, hidupan liar manakah yang dapat dikaitkan dengan kawasan berikut?


Buku Teks: M.S. 88 & 89 Aras: Sederhana

- Sepilok (Sabah)
- Lanjak Entimau (Sarawak)

- | | |
|---------|------------------|
| A Tapir | C Orang utan |
| B Gajah | D Badak Sumatera |

- 10 Di manakah terletaknya pusat konservasi gajah dalam Peta 1?

Buku Teks: M.S. 88 Aras: Rendah



Peta 1: Malaysia